

27/07/2001

Puisi enam negara hangatkan UIAM

Salbiah Ani

TEPAT jam 9 malam ini, bergema deklamasi puisi, nazam, gurindam dan syair di Auditorium Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, yang menjadi tuan rumah Kembara Puisi IPT 2001 kali ketujuh.

Sesuai dengan kedudukannya sebagai universiti antarabangsa, gelanggang Kembara Puisi IPT 2001 di UIAM menjadi medan khalayak untuk mendekati karya dari luar Malaysia.

Mahasiswa luar negara yang dijadualkan beraksi pada kembara malam ini ialah dari Uzbekistan, Afghanistan, Bosnia-Herzegovina, Vietnam dan Afrika Selatan yang membacakan puisi negara masing-masing dalam bahasa ibunda mereka.

Mahasiswa Sains Politik, Dilnoza Azamova, dari Uzbekistan pada pertemuan dengan Sastera dan Budaya di UIAM kampus Gombak, baru-baru ini berkata, beliau mendeklamasikan puisi Perjalanan Hidup Ini.

"Puisi karya sahabat saya, Bobur, yang melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat ini berkisar kepada hambatan kehidupan dan mampu membangkitkan semangat juang demi kelangsungan kehidupan," katanya.

Mahasiswa Kuliyah Al-Quran dan As-Sunnah dari Afghanistan, Mohammad Siddiq, pula mendeklamasikan puisi dalam bahasa Parsi berjudul Bunga dan Kedamaian.

"Puisi ini membawa maksud tersirat mengenai kedamaian dan kemerdekaan yang hanya mampu diberikan Allah swt dan bunga ros di Afghanistan menjadi lambang kedua-dua perkara ini," ujarnya.

Mohammad berkata, Afghanistan yang terbabit dalam peperangan dengan Russia selama 20 tahun tetap melahirkan penyair tersohor seperti ustaz Khalilullah Khalili.

"Ustaz Khalilullah yang meninggal 10 tahun lalu cenderung kepada puisi jihad, penderitaan anak yatim. Sesungguhnya peperangan tidak menghentikan kecintaan kami kepada puisi," jelasnya.

Mahasiswa Jabatan Psikologi, Megamat Cassiem Davids, dari Afrika Selatan pula mendeklamasikan puisi yang berkisar sekitar kematian karya C Louis Leipoldt yang ditulis dalam bahasa Afrika.

"Karya ini menghuraikan kematian sebagai suatu yang mengasyikkan dan ditulis berdasarkan pengalaman benar kematian seorang kanak-kanak perempuan yang disambar petir pada satu musim tengkujuh," katanya.

Megamat Cassiem pada mulanya enggan membaca karya dalam bahasa Afrika untuk majlis malam ini kerana dikatakan karya hasil orang Boer sebelum 1994 mewakili sistem apartheid yang dibencinya.

"Namun, saya tidak nafikan ada karya yang tidak menjurus ke arah ini dan saya sudi berkongsi dengan khalayak Kembara Puisi IPT 2001 di UIAM kerana dasar apartheid kini sudah berkubur," katanya.

Sebahagian besar penduduk Afrika Selatan bukan kulit putih juga mula memberi perhatian kepada kebudayaan masing-masing selepas tersungkurnya kerajaan apartheid.

"Beberapa persatuan Melayu Cape kini mempunyai hubungan erat dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Malaysia dan kedua-dua pihak kerap mengadakan kunjungan budaya," katanya yang bersahabat baik dengan ramai rakyat Malaysia.

Selain mahasiswa dari luar negara itu, deklamator cilik yang turut beraksi ialah Yaumil Hikmah Faisal, pelajar Tahun Lima SRK Gombak Utara II.

Yaumil yang pernah muncul naib johan pada pertandingan puisi di

sekolahnya akan mendeklamasikan puisi mengenai gadis legenda dari pulau Langkawi, Mahsuri, karya Zurinah Hassan.

"Saya pilih sendiri puisi ini dan sudah menghafalnya selain mendapatkan bimbingan daripada ayah, Faisal Salim, bagi memastikan saya dapat menghayati dan menyampaikannya dengan betul," ujarnya.

Tidak ketinggalan, majlis Kembara Puisi IPT 2001 malam ini turut dijayakan jaguh puisi UIAM yang pernah muncul sebagai pemenang dalam beberapa sayembara puisi.

Mahasiswa Kuliyah Undang-Undang, Mohd Anwar Aminon, akan mendeklamasi puisi Ristaan Anak Merdeka, karya Yura Halim dari Brunei Darussalam yang berkisar kepada jati diri Islam dan serangan anasir Barat.

"Puisi ini mengajak kita bersyukur kerana dilahirkan sebagai Muslim dan boleh dijadikan sebagai benteng untuk menentang pengaruh Barat daripada menguasai pemikiran kita," katanya.

Mahasiswa Komunikasi Massa, Nor Azura Basir, pula memilih puisi Istana Kemerdekaan yang memaparkan pentingnya semangat kenegaraan disemai dalam sanubari setiap rakyat sesebuah negara.

Nor Azura berkata, puisi meninggalkan kenangan manis dalam hidupnya kerana beliau pernah muncul sebagai johan pada pertandingan Deklamasi Puisi Pusat Matrikulasi dan Asasi Sains.

"Sastera membawa banyak manfaat kepada saya kerana ia saya menggunakannya sebagai medan untuk mendapatkan kemahiran menulis dan melahirkan perasaan yang tidak dapat diluahkan secara lisan selain memberi ketenangan fikiran," jelasnya.

Beliau berkata, program Kembara Puisi IPT 2001 membuka peluang kepada mahasiswa institusi pengajian tinggi negara ini menunjukkan bakat mereka dalam genre itu.

"Inilah masanya mahasiswa menunjukkan bakat terpendam mereka dengan turut beraksi di pentas puisi dan bukan sebagai penonton semata-mata," katanya.

Mahasiswa Kejuruteraan Biotek, Herry Hidayat Jamil, pula akan mendeklamasikan puisi Ke Ruang Katarsis karya Zaen Kasturi yang berkisar sekitar pengisian kemerdekaan.

"Puisi ini sudah saya hafal dan ia membawa nostalgia kerana saya muncul sebagai naib johan pada Sayembara Deklamasi Puisi UIAM ketika mendeklamasikan Ke Ruang Katarsis," katanya.

Majlis Kembara Puisi IPT 2001 di UIAM turut menyaksikan keterampilan tenaga akademiknya dalam mendeklamasikan puisi dan nazam, dengan sesetengahnya di luar dugaan.

Timbalan Rektor (Hal-Ehwal Pelajar dan Disiplin) UIAM, Prof Mayda Dr Sidek Baba, yang lebih dikenali dalam pemikiran Islam, rupa-rupa berbakat besar dalam puisi tradisional Melayu.

Dr Sidek akan menyerikan Kembara Puisi IPT 2001 kali ini dengan nazam Kebesaran Allah swt, Dondang dan Dodoi Adik, sekali gus membawa kelainan pada persembahan kali ini.

Sudah pasti generasi muda Malaysia khususnya, warga UIAM dan mahasiswa luar negaranya akan terpegun dengan keindahan nazam yang menjadi warisan orang Melayu.

Dr Sidek sebagai tokoh yang bertanggungjawab menyusun kurikulum tadika Islam negara ini mencadangkan deklamasi puisi digabungkan dengan gerak tari, muzik atau silat supaya ia menarik dan mesej sampai kepada kelompok sasaran.

"Saya juga percaya wayang kulit, kuda kepang, gamelan dan angklung boleh dikembangkan secara kreatif supaya menghasilkan rentak lagu yang menarik dan sesuai dengan perkembangan semasa," katanya.

Pengarah Kokurikulum, Dr Mohamad Akram Laldin, dari jurusan perundangan Islam akan menunjukkan bakatnya dengan mendeklamasikan puisi Kita Hamba-

Hamba-Nya.

"Puisi karya seorang pelajar perubatan UIAM ini mengajak kita menghargai nikmat yang Allah beri kepada manusia dan menilai kedudukan mereka sebagai insan," katanya.

Ketua Jabatan Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan, Dr Nor Faridah A Manaf, memilih puisi Topeng-Topeng (Baha Zain), Perkahwinan (Zurinah Hassan), Dari New Delhi Ke Agra (Siti Zaleha Hashim) dan Cinta al-Farabi (Kemala).

"Topeng-Topeng berkisar kepada kepura-puraan manusia, Perkahwinan (wanita terpaksa membayar harga yang terlalu tinggi untuknya), Dari New Delhi Ke Agra (rentetan kemiskinan antara dua bandar) dan Cinta al-Farabi (pencarian nilai kerohanian)," katanya.

Beliau akan mendeklamasikan versi bahasa Melayunya sebelum membacakan versi Inggerisnya kerana mahu karya sasterawan tempatan diperkatakan dalam persada sastera antarabangsa.

Pegawai Hal-Ehwal Pelajar (HEP), Abu Bakar Sidek, pula akan mendeklamasikan puisi Kita dan Sejarah, karya Sasterawan Negara (SN), Datuk Usman Awang, kerana mesejnya yang tetap sesuai hingga kini.

"Nada Usman dalam puisi berkenaan sama seperti yang pernah disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, bahawa bangsa Melayu mudah lupa," katanya.

Abu Bakar berkata, masyarakat Melayu wajar menjadikan persoalan dalam puisi yang ditulis pada 1956 itu sebagai iktibar kerana meskipun 45 tahun sudah berlalu, ia masih berlaku.

"Kita melalui perubahan fizikal yang pesat pada tempoh terbabit tetapi dari segi pemikiran bangsa Melayu masih terperangkap dan gagal keluar daripada persekitaran 1956," kata lulusan sarjana pembangunan sosial itu.

SN Datuk A Samad Said pula akan mendeklamasikan puisi Lagu Bunga Dua yang berkisar sekitar Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee, yang dipetik daripada antologinya, Balada Hilang Peta.

"Puisi berkenaan saya tulis ketika Jawantakuasa P Ramlee merancang merasmikan Pustaka Peringatan P Ramlee dan ia memuatkan kisah cinta dan beberapa filem seniman terbabit," katanya.

Samad yang pernah beberapa kali bertemu P Ramlee ketika hayatnya berkata, kebanyakan filem seniman itu sebenarnya merakam mengenai masalah orang Melayu pada zaman beliau.

"P Ramlee melalui beberapa filemnya menyuarakan penentangan terhadap jurang martabat dan masalah wanita sekalipun pada akhirnya terpaksa memasukkan juga unsur niaga demi kelangsungan hidup beliau," katanya.

Abdul Ghafar Ibrahim yang dikenang kerana puisinya Tak Tun Tak Tun, memeriahkan acara baca puisi kali ini dengan bacaan gurindam tulisannya, Negara Bijak.

"Saya memilih gurindam kerana mahu orang Melayu kembali menyusur akar mereka.

"Saya berharap akan ada khalayak pada malam ini yang mahu beraksi bersama saya sebagai korus," katanya.

Penyair veteran yang banyak memberi tunjuk ajar kaedah berpuisi yang betul kepada mahasiswa UIAM, Marzuki Ali, akan mendeklamasikan puisinya, Idaman Dunia Kita dan Senandung Kerajaan Mergasatua Langka.

"Idaman Dunia Kita dan Senandung Kerakaan Mergasatua Langka memaparkan tindak tanduk manusia yang mahukan persekitaran permai tetapi melakukan sebaliknya termasuk memusnahkan alam," katanya.

Kembara Puisi IPT 2001 bertema Suara Nurani Jati Diri Bangsa anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) sebelum ini sudah berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Program ketujuh itu mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP),

Unit Kebudayaan UIAM, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia  
(Makum) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).  
(END)